



PENINSULA
COLLEGE
GEORGETOWN DK266-03(P)

PEPERIKSAAN AKHIR

Semester	:	MAY 2024 SEMESTER
Nama Program	:	BA (Hons) ACCOUNTING & FINANCE
Kod & Nama Kursus	:	MPU3213 BAHASA KEBANGSAAN A
Masa	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan teliti.
2. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan sahaja.
3. Sila jawab kesemua soalan.
4. Sila jawab soalan di dalam kertas jawapan peperiksaan yang disediakan.
5. Kamus elektronik, nota, file atau sebarang bahan kecuali alat penulisan adalah dilarang.

Kertas soalan ini mestilah dihantar bersama-sama dengan semua kertas kasar yang telah digunakan/tidak digunakan serta kertas graf (jika ada). Calon **DILARANG** mengambil sebarang bahan peperiksaan keluar dari dewan peperiksaan.

AMARAN:

Lembaga Peperiksaan Kolej Peninsula, Georgetown menganggap tindakan meniru sebagai satu kesalahan yang paling serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan yang dilakukan. Ini seiring dengan klausa yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelajar termasuklah mengambil tindakan memberhentikan pelajar dari Kolej Peninsula, Georgetown.

(Kertas Jawapan in mengandungi 3 halaman yang bercetak termasuklah halaman ini)

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA
DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN**

Jawab kesemua **EMPAT (4)** soalan yang disediakan.

[100 markah]

1.

Laporan merupakan dokumen rasmi yang mengandungi maklumat dalam format tersusun rapi untuk dipaparkan kepada orang ramai.

Jawab soalan-soalan yang disediakan di bawah berlandaskan kepada maklumat diatas:

a) Senaraikan **DUA (2)** jenis laporan berserta **TIGA (3)** tujuannya. (5 markah)

b) Selaku setiausaha Persatuan pelajar di Kolej Peninsula Georgetown, anda diminta menyiapkan sebuah laporan sambil belajar ke sebuah gudang di pelabuhan Swettenham di Pulau Pinang.

(20 markah)

Jumlah: [25 markah]

2.

Kata Kerja Transitif Aktif	Kata Kerja Transitif Pasif
Puan Ros mencuci kasut anaknya di dalam bilik mandi.	i)
ii)	Nasi lemak dimasak oleh ibu Roslan.
Saya melukis gambar seekor anak kucing.	iii)
Anda memotong rumput di halaman rumah.	iv)
v)	Kereta merah dipandu oleh abang Kassim.
Pak Man menggosok lantai di dapur.	vi)
Kamu menanam pokok durian di belakang rumah.	vii)
viii)	Biskut yang sedap itu kamu beli dari kedai.
Abang mencuci kereta bapanya.	ix)
x) _____	Rumah usang itu dicat oleh bapa Kalsum.

a) Merujuk kepada kotak yang disediakan di atas, isikan jawapan yang bersesuaian. (20 markah)

b)

No	Ayat Biasa	Ayat Songsang
i)	Kelakuan budak itu baik sungguh.	
ii)	Penari itu menari dengan bersungguh-sungguh.	
iii)	Buah ciku di halaman rumah sudah masak.	
iv)	Pengalamannya amat menyedihkan.	

v)	Basikal Ali sudah rosak.	
----	--------------------------	--

Songsangkan ayat-ayat di atas.

(5 markah)
Jumlah: [25 markah]

3. a) Huraikan maksud **AKRONIM** dan sertakan **TIGA (3)** jenisnya. (5 markah)

- b) Bina ayat dengan kata Tugas yang disediakan:

Kata Tugas		Bina Ayat
Penafi	(i) Bukan	
Pembantu	(ii) Sedang	
Penyeru	(iii) Amboi	
Penanya	(iv) Bagaimana	
Pembilang	(v) Ramai	

(10 markah)

- c) Bina **EMPAT (4)** ayat berdasarkan kepada empat jenis pola ayat dalam bahasa Melayu.

(10 markah)
Jumlah: [25 markah]

4. a) Buat perbezaan diantara **sajak bebas** dengan **sajak konkrit**. (5 markah)

- b) Nyatakan maksud "Puisi" menurut S.T. Coleridge dan sertakan **TIGA (3)** ciri puisi. (10 markah)

- c) Lengkapkan jawapan dalam kotak yang disediakan di bawah. (10 markah)

Imbuhan Awalan	Fungsi imbuhan awalan	Kata Terbitan
Maha	i)	
Pra	ii)	
Pasca	iii)	
Tata	iv)	
Sub	v)	

Jumlah: [25 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -